

## **KEISTIMEWAAN KITAB BAHR AL-MAZI OLEH SYEIKH AL-MARBawi- SATU PENILAIAN**

PROF DR. MOHD FAUZI MOHD AMIN,

fauziamin@usim.edu.my

DR ABDULLOH SALAEH,

DR AMRAN ABDUL HALIM,

DR NIDZAMUDDIN ZAKARIA

### **ABSTRAK**

Kitab Bahr Al-Mazi telah disusun oleh Syeikh Idris Al-Marbawi. Sebagaimana maklum kitab Bahr Al-Maziy merupakan salah satu koleksi kitab hadith Bahasa Melayu bertulisan jawi yang unggul di Tanah Melayu. Pengarangnya ialah Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawiy seorang ulama bidang Bahasa Arab, Hadith, Tafsir dan Fiqh. Idris al-Marbawiy berjaya melaksanakan syarah terhadap Sunan al-Tirmizi secara sempurna. Kitab tersebut pertama kali dicetak di Mesir dalam edisi jawi pada tahun 1933M bersamaan 1352H. Antara lain, ia terdiri daripada 11 jilid, mengandungi 22 juzuk. Kitab Bahr al-Maziy mangandungi 2772 buah hadith sebagai bab dan topik perbincangan beserta 8265 masalah perbincangan yang berkaitan dengan urusan dunia dan akhirat. Edisi asalnya dicetak di Mesir dengan 11 jilid yang dibahagikan kepada 22 juzuk. Kertas ini akan mengenengahkan siapakah penyusun kitab ini, metode penulisan kitab ini dan keistimewaan kitab ini. Dalam muqaddimah kitab pengarang menyatakan begitu berminat dengan kitab sunan Tirmizi kerana susunannya serta hukum syariat daripada hadith nabi dengan penjelasan daripada pandangan mazhab yang empat. Pengarang juga menyatakan guru beliau yang dikagumi dalam bidang hadith iaitu Syeikh Ibrahim al-Samaluti yang mengajar di Masjid Husain bersebelahan masjid Al-Azhar. Beliau juga menyatakan tujuan penulisan ini adalah ikhlas untuk menyebarkan kefahaman tentang hadith Rasulullah SAW, beliau juga menetapkan nama kitab ini iaitu “Bahr Al-Mazi: Li Syarh Mukhtasar Sahih Al-Tirmizi”. Selepas itu beliau menjelaskan kaedah penulisan kitab ini dan juga menjelaskan makna istilah yang digunakan oleh Imam Tirmizi seperti istilah hasan, sahih, gharib dan sebagainya. Penulisan ini berbentuk kajian perpustakaan dan merujuk kepada maklumat dalam laman web yang berkaitan. Kitab Bahr Al-Mazi merupakan kitab yang sangat bermanfaat dan rujukan utama dalam bidang hadith di Tanah Melayu.

### **Pendahuluan**

Kitab Bahr Al-Mazi Li Syarh Mukhtasar Sahih Al-Tirmizi adalah hasil susunan Al-Syeikh Muhammad Idris Abdul Rauf Al-Marbawi Al-Azhari, ia ditulis dalam Bahasa Melayu dengan huruf jawi klasik. Beliau menterjemahkan kitab syarah Sunan Tirmizi dengan meringkaskan sanad yang Panjang dan mengekalkan hanya nama Sahabat sahaja. Kitab ini mengandungi 11 jilid dan 22 juzu', setiap jilid mempunyai dua juzu'. Kitab ini telah dicetak oleh syarikat percetakan Mustafa Al-Babi Al-Halabi Wa Auladuhu, Kaherah Mesir, tahun 1933. Setiap juzuk mengandungi lebih kurang 230 muka surat dan dimulai dengan fahras untuk

memudahkan mencari isi kandungannya. Kitab ini sangat popular di Alam Melayu dan menjadi bahan rujukan dalam kuliah agama di masjid-masjid dan surau-surau.

### **Penulis Kitab Bahr Al-Mazi**

Nama penyusun kitab Bahr Al-Mazi ialah Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawiy, beliau adalah seorang ulama hadith dari anak Melayu. Selain dalam bidang hadith beliau juga terkenal seorang ulama bidang Bahasa Arab, Tafsir, dan Fiqh. Sumbangan beliau dalam bidang penulisan adalah banyak. Antara karya-karya beliau yang digunakan hingga ke hari ini ialah, kitab Bahr al-Maziy. Kitab tersebut merupakan terjemahan dan syarah di dalam Bahasa Melayu terhadap kitab hadith Sunan al-Tirmizi

Syeikh Idris Al-Marbawi dilahirkan di sebuah kampung bernama Misfallah di Makkah pada 28 Dzulkaedah 1313 Hijrah bersamaan 10 Mei 1896. Ibu bapa beliau berasal dari Kampung Lubok Merbau, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan. Ketika berusia 10 tahun, beliau sudah mampu menghafal kitab Al-Quran sebanyak 16 juzuk, di samping beberapa buah kitab lain. Pada tahun 1323 Hijrah, beliau pulang ke Malaysia bersama-sama keluarga.

Sekembalinya ke Malaysia, beliau meneruskan pengajiannya di Sekolah Melayu Lubok Merbau (kini dikenali Sekolah Kebangsaan Syeikh Mohd Idris Al-Marbawi). Seterusnya beliau melanjutkan pengajiannya di beberapa buah sekolah pondok, antaranya Pondok Wan Mohammad, Bukit Chandan, Kuala Kangsar (kini dikenali sebagai Madrasah Idrisiah), Pondok Tuan Hussien Al-Masudi (Kedah), Pondok Syeikh Ahmad al-Fatani (Bukit Mertajam) dan Pondok Tok Kenali (Kelantan). Setelah menamatkan pengajian, beliau bertugas sebagai guru agama di Perak.

Beliau lebih dikenali dengan panggilan nama: Idris al-Marbawiy. Perkataan al-Marbawiy di hujung nama beliau mengambil sempena nama dan tempat asal beliau: Lubuk Merbau.

Beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir di Hospital Besar Ipoh jam 8.40 pagi pada 13 Oktober 1989 bersamaan 13 Rabiul Awal 1409H ketika berusia 96 tahun. Jenazah beliau disemadikan di Kampung Lubuk Merbau, Perak.

Diawal pendidikan rasmi beliau belajar di beberapa buah sekolah pondok, seperti: Sekolah Pondok Sheikh Wan Muhammad di Bukit Chandan Kuala Kangsar, seterusnya melanjutkan ke Pondok Tuan Husain al-Masudi di Kedah, seterusnya ke Pondok Syeikh Ahmad Fatani di Bukit Mertajam dan Pondok Tok Kenali di Kelantan.

Seterusnya pada Mac 1924M beliau bermusafir ke Mesir untuk melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar Mesir. Sewaktu belajar di Al-Azhar Mesir, kepintaran Idris al- Marbawiy makin terserlah, buktinya beliau berjaya maraikh pencapaian tertinggi (Mumtaz) daripada universiti tersebut.

Disamping bidang hadith Idris al-Marbawiy mendalami dan menguasai berbagai ilmu lain, antaranya ialah Tafsir, Fiqh, Usul Fiqh, Tasawwuf, Nahu, Saraf, Balaghah dan lain-lainnya. Antara guru yang rapat dengaan beliau ialah: Syeikh Yusuf al-Hawi dan Syeikh Ibrahim al-Samaluti

Selepas menamatkan pengajian di beberapa buah sekolah pondok di Tanah Melayu, Idris al- Marbawiy telah ditawarkan berkhidmat sebagai guru agama di salah sebuah sekolah di Perak

untuk beberapa ketika. Pada 1924M beliau melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar, Mesir.

Semasa berada di Universiti al-Azhar, beliau mendapati kebanyakan pelajar Melayu sukar untuk bertutur dan memahami bahasa Arab. Justeru, beliau mengambil langkah menyusun kamus dan berusaha menerbitkan kamus Arab-Melayu. Hasil usaha gigih, pada tahun 1937M sebuah kamus Arab-Melayu berjaya diterbitkan dengan judul: *Qamus al-Marbaw*.

Syeikh Al-Marbawiy mengembangkan bakat dalam penulisan dari sini, terus menerokai bidang penulisan yang lebih mencabar. Antara hasil karya beliau ialah:

Kitab Bahr al-Maziy.

Tafsir Al-Qur'an al-Marbawiy. Tafsir al-marbawi: Al-Quran Bergantung Makna Melayu. Ditulis pada 21 Syakban 1375H bersamaan 2 April 1956 semasa beliau berada di Kaherah.

Tafsir Nur al-Yaqin.

Tafsir Fath al-Qadir.

Kitab Bulugh al-Maram.

Kitab Jami' al-'Ulum.

Nizam al-Hayah.

Mu'jam al-Ka'inat.

Kamus Idris Al-Marbawi (Arab - Melayu) ditulis oleh Muhammad Idris Abdur Rauf Al Marbawi dan diterbitkan mulai tahun 1950-an di Malaysia. Kejayaan menghasilkan Kamus Arab-Melayu adalah satu sumbangan yang besar bagi Idris al-Marbawiy kepada penuntut ilmu dalam memahami Bahasa Arab ia menjadi kamus utama Arab - Melayu.

Kamus Arab-Melayu ini mengandungi 18,000 kalimah Arab yang diberi makna bahasa Melayu dan 700 kalimah yang diterangkan dengan gambar. Kamus popular ini ditulis dalam Tulisan Jawi dan disusun menurut kaedah yang mudah dibaca dan difahami.

Beliau seterusnya melibatkan diri secara aktif dalam penghasilkan karya-karya ilmiah lain. Karya yang memberi sumbangan penting dalam pengajian hadith di Malaysia ialah Kitab Bahr al-Mazi yang sedang dibicarakan sekarang.

Disamping menulis kitab Bahr Al-Mazi Idris al-Marbawiy juga menterjemahkan kitab: *Bulugh al-Maram*. Iaitu kitab kumpulan hadith yang dihasilkan oleh tokoh hadith terkemuka bernama: Ibn Hajar al-'Asqalani.

*Bulugh al-Maram* mengandungi sejumlah 1358 hadis. Di akhir setiap hadis yang diriwayatkan di *Bulugh al-Maram*, al-Hafidh ibn Hajar menyebut yang mengutip hadith tersebut pada mulanya. *Bulugh al-Maram* merangkumi hadis yang diperoleh dari pelbagai sumber utama hadith di dalamnya termasuk, *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Dawud*, *Jami at-Tirmidhi*, *Sunan al-Nasa'i*, *Sunan ibn Majah*, dan *Musnad Ahmad ibn Hanbal* dan banyak lagi.

Sumbangan besar beliau dalam bidang agama dan persuratan Arab-Melayu telah diiktiraf oleh Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada 5 Julai 1980 beliau dianugerahkan Ijazah Kehormat

Doktor Persuratan oleh UKM. Kemudiannya pada 1 Muharam 1408H pula, Idris al-Marbawiy dianugerahkan tokoh Ma'al Hijrah peringkat kebangsaan.

Sumbangan dan jasa yang besar dalam penulisan menyebab nama beliau dikenang hingga ke hari ini. Nama beliau diabadikan di dibanyak tempat seperti di Kolej kediaman di Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain itu, sekolah pertama tempat beliau belajar juga diberi nama sempena nama beliau, iaitu Sekolah Kebangsaan Syeikh Muhammad Idris al-Marbawiy.

### **Sinopsis Dan Keistimewaan Bahr Al-Maziy**

Kitab Bahr al-Maziy mangandungi 2772 buah hadith sebagai bab dan topik perbincangan beserta 8265 masalah yang berkaitan dengan urusan dunia dan akhirat. Edisi asalnya dicetak di Mesir dengan 11 jilid yang dibahagikan kepada 22 juzuk.

Kitab Bahr al-Maziy atau judul lengkapnya ialah: Bahr al-Miziy li syarh Mutkhasar Sahih al-Tirmizi. Kitab ini merupakan terjemahan dah syarah kepada kitab Sunan al-Tirmizi

Isi kandungan kitab ini merangkumi beratus-ratus tajuk melibatkan urusan ibadat, taharah, munakahat, muamalat dan lainnya. Sebagai penjelasan lebih lanjut penulis akan membicarakan juzuk demi juzuk. Untuk itu, bab serta kanungannya secara ringkas ialah:

Juzuk 1: Bertarikh 1933M bersamaan 1352H dan tebalnya 227 halaman. Menerangkan tentang: Bersuci dan perkara yang berkaitan dengannya. Mengandungi 126 hadith dan 591 masalah.

Juzuk 2: Bertarikh 1933M bersamaan 1352H dan tebal 232 halaman. Menerangkan tentang: Solat dan Perkara yang berkaitan dengannya. Mengandungi 138 hadith dan 454 masalah.

Juzuk 3: Bertarikh 1934M bersamaan 1353H dan tebalnya 240 halaman. Menerangkan tentang: Solat dan perkara yang berkaitan dengannya. Mengandungi 161 hadith dan 558 masalah.

Juzuk 4: Bertarikh 1934M bersamaan 1353H dan tebalnya 232 halaman. Menerangkan tentang: solat, zakat dan perkara yang berkaitan dengannya. Mengandungi 115 hadith dan 519 masalah.

Juzuk 5: Bertarikh 1934M bersamaan 1353H dan tebalnya 208 halaman. Menerangkan tentang: Puasa dan perkara yang berkaitan dengannya. Mengandungi 110 hadith dan 473 masalah

Juzuk 6: Bertarikh 1936M bersamaan 1355H dan tebalnya 224 halaman. Menerangkan tentang: Haji dan perkara yang berkaitan dengannya. Mengandungi 108 hadith dan 458 masalah.

Juzuk 7: Bertarikh 1936M bersamaan 1355H dan tebalnya 224 halaman. Menerangkan tentang: Umrah dan Jenayah serta perkara yang berkaitan dengannya. Mengandungi 114 hadith dan 483 masalah.

Juzuk 8: Bertarikh 1937M bersamaan 1356H dan tebalnya 224 halaman. Menerangkan baki bab: Jenayah dan membicarakan, Kitab Nikah. Mengandungi 99 hadith dan 330 masalah.

Juzuk 9: Bertarikh 1938M bersamaan 1357H dan tebalnya 208 halaman. Menerangkan bab: Talaq, Li'an dan Jual Beli. Mengandungi 106 hadith dan 209 masalah.

Juzuk 10: Bertarikh 1939M bersamaan 1358H dan tebalnya 228 halaman. Menerangkan baki bab: Jual Beli Qadi, Diyat dan perkara yang berkaitan dengannya. Mengandungi 180 hadith dan 259 masalah.

## THE 8<sup>th</sup> INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

Juzuk 11: Bertarikh 1939M bersamaan 1358H dan tebalnya 224 halaman. Menerangkan tentang: Korban, Nazar, Sumpah, Perjalanan Nabi, serta perkara yang berkaitan dengannya.

Juzuk 12: Bertarikh 1940M bersamaan 1359H dan tebalnya 232 halaman. Menerangkan tentang: Perang (jihad), pakaian, Makanan serta perkara berkaitan dengannya. Mengandungi 170 hadith dan 353 masalah.

Juzuk 13: Bertarikh 1940M bersamaan 1359H dan tebalnya 224 halaman: menerangkan tentang: Minum-minuman, Kebaktian, Perhubungan Rahim serta perkara berkaitan dengannya. Mengandungi 152 hadith dan 472 masalah.

Juzuk 14: Bertarikh 1940M bersamaan 1359H dan tebalnya 224 halaman. Melengkapi baki-baki bab: Perhubungan Rahim, Perubatan, Fara'id, Wala', Hibah, Qadar serta perkara yang berkaitan dengannya.

Juzuk 15: Bertarikh 1940M bersamaan 1359H dan tebalnya 248 halaman. Melengkapi bab-bab: Huru-hara, Ta'bir, Mimpi dan Saksi-saksi. Mengandungi 105 hadith dan 301 masalah.

Juzuk 16: Bertarikh 1940M bersamaan 1359H dan tebalnya 227 halaman. Melengkapi bab: Mimpi, Saksi-saksi dan Zuhud. Mengandungi 128 hadith dan 237 masalah.

Juzuk 17: Bertarikh 1941M bersamaan 1360H dan tebalnya 232 halaman. Melengkapi bab: Sifat Kiamat, Pelembut Hati, Wara' dan perkara berkaitan dengannya. Mengandungi 109 hadith dan 214 masalah.

Juzuk 18: Tanpa menyebut tarikh, tebalnya 228 halaman. Melengkapi bab: Sifat syurga, Neraka, Iman, dan perkara yang berkaitan dengannya. Mengandungi 109 hadith dan 214 masalah.

Juzuk 19: Bertarikh 1941M bersamaan 1360H dan tebalnya 228 halaman. Melengkapi bab: Ilmu, Minta Izin, dan perkara berkaitan dengannya. Mengandungi 148 hadith dan 266 masalah.

Juzuk 20. Bertarikh 1941M bersamaan 1360H dan tebalnya 242 halaman. Melengkapi bab: Adab, Misal-misal, Bab-bab Pahala Al-Qur'an dan perkara yang berkaitan dengannya.

Juzuk 21: Bertarikh 1955M bersamaan 1374H dan tebalnya 255 halaman. Melengkapi bab: Tafsir dan perkara yang berkaitan dengannya. Mengandungi 92 hadith dan 335 masalah.

Juzuk 22: Bertarikh 1955M bersamaan 1374H dan tebalnya 242 halamann. Melengkapi tafsir sesetengah ayat di dalam Surah al-Maidah dan lain-lainnya. Mengandungi 95 hadith dan 351 masalah.

### Rumusannya

Sebagaimana dalam kata aluannya pada jilid pertama, Idris al-Marbawiy menerangkan bahawa beliau telah belajar ilmu Hadith daripada Syeikh Muhammad Ibrahim al-Samaluti, yang merupakan salah seorang ulama hadith yang mengajar di Jami' Saydina Husein, Kaherah, Mesir. Justeru, berkat ilmu dan pembelajaran tersebutlah beliau berjaya menghasilkan kitab *Bahr al-Maziy*.

Kitab Bahr al-Maziy merupakan salah satu sumbangan besar Idris al-Marbawiy dalam pengajian Hadith. Erti kata lain, Bahr al-Maziy merupakan kitab hadith bertulisan jawi terbesar dan antara yang terawal pernah wujud di Alam Melayu khususnya. Bahasa tulisan jawi adalah Bahasa lama, ada kalimah yang sukar difahami. Beliau masih mengekalkan istilah yang digunakan oleh Imam Tirmizi.

Justeru, Bahr al-Maziy merupakan kitab yang mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri kerana merupakan kitab yang pertama di dalam Bahasa Melayu yang membicara isu-isu Fiqh yang disandarkan kepada hadith.

### **Metode Penulisan Kitab Bahr Al-Mazi**

Antara keistimewaan Bahr al-Maziy yang utama dapat dikemukakan di sini sebagaimana berikut:

Karya ini padat dengan ilmu mendalam syarahnya, bahkan dikatakan telah menampung kekosongan karya asli dalam bidang ilmu hadith di Malaysia.

Kitab Bahr al-Maziy membentangkan ulasan dan huraian hadith dalam bentuk: Fiqh, Aqidah, Tasawuf, dan Muamalat.

Syarah dan ulasan yang dilakukan oleh Idris al-Marbawiy mengikut tuntutan juga acuan serta suasana masyarakat Malaysia.

Kitab hadith ini bagaikan memberi nafas baru kepada pemahaman hadith berkaitan Fiqh secara mendalam, contohnya: ia mampu mendidik masyarakat Malaysia tentang hubungan yang erat antara hadith dengan Fiqh dalam ibadat dan kehidupan. Hukum fiqh adalah berpandukan mazhab Al-Syafi'e, disamping membawa juga hujah-hujah dari lain yang empat.

Kitab tumpuan terjemahan dan syarah oleh Idris al-Marbawiy diberi nama: Mukhtasar Sahih al-Turmizi wa Syarhuhu Bi Lughah al-Jawi al-Malayu al-Masamma Bahr al-Maziy ataupun dalam Bahasa Melayu: Ringkasan Sahih al-Tirmizi dan Huraiannya Dalam Bahasa Melayu Jawi Yang Dinamakan Bahr al-Maziy.

Erti kata lain, kitab tersebut di Malaysia hanya dikenali sebagai Bahr al-Maziy. Kitab ini adalah terjemahan syarah lengkap sesudah diringkaskan daripada Sunan atau Jami' al-Tirmizi

Idris al-Marbawiy berusaha menghasilkan kitab tersebut atas tujuan atau matlamat utamanya untuk menyebarkan hadith Rasulullah SAW dan demi maninggikan kalimah Allah, Khususnya bagi mereka yang tidak memahami bahasa Arab.

Bahr al-Maziy merupakan sebuah karya berbentuk terjemahan dan syarah oleh Idris al-Marbawiy terhadap kitab hadith: Sunan atau Jami' al-Tirmizi. Dimana dalam menterjemah dan melaksanakan syarah setiap hadith, beliau meninggalkan terjemahan sanad hadith dan perbahasan mengenainya sebagaimana yang terdapat dalam karya asal al-Tirmizi.

Menurut pendapat Idris al-Marbawiy: Sanad tidak perlu lagi diterjemahkan atau dibahaskan kerana ia telah dibahaskan oleh pengarang asal, iaitu al-Tirmizi. Hal ini selaras matlamat utama dan asal beliau lebih tertumpu kepada terjemahan dan syarah sudut matan atau isi kandungan hadith.

Seterusnya, dalam kitab Bahr al-Maziy Idris al-Marbawiy memulakan syarah setiap tajuk, diiring pula dengan beberapa hadith yang terdapat dalam kitab al-jami' al-Tirmizi mengenai kedudukan hadith tersebut sama ada Sahih, hasan atau Da'if secara umum.

### **Metod Terjemahan Dan Syarah**

Justeru, kitab Bahr al-Maziy ini dihasilkan dengan pendekatan perbincangan pada tajuk atau bab yang dikemukakan. Iaitu yang bermula daripada masalah yang beliau timbulkan hasil daripada kefahaman baliau terhadap sesuatu hadith. Seterusnya pada setiap masalah itu pula diletakkan angka bagi memudahkan pembaca membuat rujukan.

Idris al-Marbawiy memulakan karyanya dengan menggarap sebuah mukaddimah agak ringkas. Dimana ia dimulai puji-pujian kepada Allah serta selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW dan seterusnya menyatakan minat beliau yang amat mendalam terhadap isi kandungan Sunan al-Tirmizi.

Kitab ini dihasilkan menggunakan penulisan jawi lama yang mengandungi 2772 hadith serta menghuraikan 8265 masalah yang berlainan hukum. Iaitu berkaitan dengan kehidupan manusia di dunia dan akhirat yang dimulakan dengan hadith tentang niat.

Persoalan sanad, Idris al-Marbawiy hanya meletakkan seorang sahaja perawi atau Rawi A'la sebelum menyatakan nama hadith. Seterusnya beliau menyatakan makna hadith dibawah matan hadith. Selepas itu ia diikuti dengan syarah hadith dan juga penjelasan hukum menurut mazhab al-Safi'i. Walau bagaimanapun, beliau tetap meraikan maksud yang ingin disampaikan oleh al-Tirmizi selaku pengarang asal.

Seterusnya juga, ketika menghuraikan permasalahan yang terdapat di dalam hadith, Idris al-Marbawiy tidak lupa mengemukakan pendapat-pendapat ulama mazhab al-Safi'i diberi keutamaan.

Ketika menjelaskan status hadith, Idris al-Marbawiy tidak mengulangi penegasan yang telah dibuat oleh al-Tirmizi. Dimana al-Tirmizi sering memberikan komentar terhadap status manapun hadith yang ditulis di dalam sunannya. Erti kata lain, Penulis Bahr al-Maziy tidak memasukkan komen al-Tirmizi terhadap satu-satu hadith.

### **Kesimpulan**

Kitab Bahr Al-Mazi karangan Muhammad Idris Al-Marbawi adalah kitab yang unggul, yang ditulis dalam Bahasa melayu tulisan jawi lama. Kitab ini menjadi rujukan untuk mengetahui hukum-hukum fiqh, taharah, munakahat, jinayah, ibadat, aqidah, perkara-perkara ghaib dan sebagainya. Bahasa yang digunakan mudah difahami, walupun terdapat kalimah klasik yang susah difahami.

Kitab ini disarankan menjadi selibus pengajian hadith di masjid-masjid dan surau-surau, untuk diajar kepada masyarakat.

## THE 8<sup>th</sup> INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

Pengarang masih mengekalkan metodologi Imam Tirmizi dalam menghukumkan hadith. Beliau meringkaskan sanadnya dengan hanya menyebutkan nama Sahabat sahaja.

Kitab yang besar ini mengandungi 22 juzuk, ia disarankan dapat diedit semula dengan mengubah penggunaan Bahasa melayu moden dengan mengekalkan tulisan jawi.

### Rujukan

- Muhammad Ajjaj al-Khatib. Usul al-Hadith Ulumihi Wa Mustolahih. 1981. Dar al-Fikr Beirut.
- Syumsuddin Mohd Yabi Fatoni. Syaddu al-Rihal Ila Ma'rifati Ilmi al-Rijal. 2022. Penerbit USIM PRESS.
- Muhammad Idris Al-Marbawi. Bahr al-Mazi. 1933. Percetakan Mustafa Al-Babi Al-Halabi Wa Auladuhu, Kaherah Mesir.
- Mohd Fauzi Mohd Amin. Al-Muharrar Fi Ulum Mustolah Al-Hadith. 2017. Ulum Hadith Research Center.
- Amin. MZM. Pengantar Ilmu Takhrij. 2015. Darul Syakir Bandar Baru Bangi.